

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


Pengenalan

Kajian ini dijalankan keatas sekolah menengah di daerah Besut, Terengganu Darul Iman. Sebanyak dua buah sekolah menengah kebangsaan telah dipilih sebagai sampel kajian dan sekolah-sekolah itu adalah yang dikategorikan sebagai sekolah berkesan. Bab ini akan membincangkan aspek-aspek kaedah kajian, subjek dan sampel kajian, instrumen kajian, kaedah pentadbiran kajian, pengumpulan data dan penganalisisan data.

Kaedah Kajian

Reka bentuk hubungan kapasiti kepimpinan guru dengan kapasiti kepimpinan sekolah adalah seperti yang digambarkan pada Rajah 3-1 di bawah. Menurut Lambert (1998b), kapasiti kepimpinan itu adalah sebagai hasil dari ciri-ciri kritikal berikut iaitu penyertaan meluas dan berkemahiran dalam kerja kepimpinan, berasaskan penyelidikan iaitu menggunakan maklumat, peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas, amalan reflektif dan inovasi sebagai satu

kebiasaan dan pencapaian pelajar yang tinggi. Jadi dengan terbentuknya kapasiti kepimpinan ini di sekolah maka adalah dijangkakan bahawa sekolah itu adalah berkesan.



Rajah 3-1: Rekabentuk Hubungan Kapasiti Kepimpinan Guru Dengan Kapasiti Kepimpinan Sekolah Serta Kaitannya Dengan Keberkesanan Sekolah

Kajian ini bertujuan untuk melihat kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah serta hubungan diantara kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan adalah diskriptif tinjauan dan tinjauan ini dilaksanakan dalam bentuk soal selidik berstruktur. Menurut Ary (1990 : 381), kajian yang menggunakan kaedah ini bertujuan untuk memperihalkan keadaan yang sedang wujud dan dalam masa yang sama melihat sebarang perkaitan antara permasalahan dengan pembolehubah yang ada bersamanya dalam situasi yang sedang berlangsung. Oleh itu tiada kumpulan kawalan dan juga pengujian terhadap hipotesis dilakukan. Seterusnya ia juga amat berguna untuk mengukur pendapat , sikap dan tingkahlaku. Kaedah tinjauan juga merupakan cara untuk mendapatkan maklumat dari satu kumpulan populasi yang besar.

Subjek dan Sampel Kajian

Populasi kajian ialah semua guru siswazah dan bukan siswazah yang mengajar di dua buah sekolah menengah kebangsaan yang dipilih iaitu sebagai responden. Sekolah yang telah dipilih adalah sekolah yang diberikan oleh PPD Besut iaitu ialah SMK Tengku Mahmud dan SMKA Nurul Ittifaq. Kesemua sekolah terpilih itu adalah bergred A dan berasrama.

Responden tidak termasuk pasukan kepimpinan sekolah iaitu pengetua, Penolong Kanan, Penyelia petang dan Ketua Bidang kerana peranan mereka sedang dikaji melalui kajian terhadap guru-guru ini.

Instrumen Kajian

Intrumen kajian terdiri dari dua set soalan soal selidik yang dibina dan digunakan untuk mendapatkan respon dari para guru yang diambil dan diterjemahkan dari “Leadership capacity Staff Survey Instrument” (LCSSI-a) dan “Leadership Capacity School Survey Instrument” (LCSSI-b) oleh Lambert (1998).

Borang soal selidik ini terdiri dari tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C (Lampiran 3-1). Bahagian A adalah berkenaan maklumat diri responden yang terdiri dari Jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi dan pengalaman mengajar. Bahagian B dan C pula terdapat sejumlah 53 soalan yang perlu dijawab oleh responden berdasarkan skala ‘Likert’ iaitu dari 1 hingga 5 dengan pecahan seperti berikut:

Bahagian B terdiri dari 26 soalan. Bahagian ini mengukur enam ciri kapasiti kepimpinan guru iaitu:

- i. Penyertaan secara meluas dalam kerja-kerja kepimpinan (S 1 –4).
- ii. Penyertaan secara mahir dalam kerja-kerja kepimpinan (S 5-6).
- iii. Maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian keputusan dan amalan (S 7 – 11).
- iv. Peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas (S 12-15).
- v. Amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu norma (S 16-20).
- vi. Pencapaian yang tinggi oleh pelajar (S 21-26).

Respon kepada item-item adalah berdasarkan kepada skala ‘Likert’ dari 1 hingga 5 dan responden dikehendaki membulatkan jawapan pilihannya pada nombor itu. Kedudukan skor adalah seperti berikut :

1. Tidak melakukannya.
2. Kadang-kadang melakukannya.
3. Kerap kali melakukannya.
4. Berterusan melakukannya.
5. Boleh mengajar orang lain.

Bahagian C mengandungi soal selidik sebanyak 27 soalan dan berkaitan dengan kapasiti kepimpinan sekolah. Dalam bahagian ini sebanyak lima ciri kapasiti kepimpinan sekolah yang akan diukur iaitu:

- i. Penyertaan secara luas dan mahir dalam kerja-kerja kepimpinan (S 1 – 7).
- ii. Penggunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian keputusan dan amalan (S 8 – 12).
- iii. Peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas (S 13-16).
- iv. Amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu norma (S 17-22).
- v. Pencapaian yang tinggi oleh pelajar (S 23-27).

Respon kepada item-item adalah berdasarkan kepada skala ‘Likert’ dari 1 hingga 5 dan responden akan membulatkan jawapan pilihannya pada nombor itu. Kedudukan skor ialah seperti berikut :

1. Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami.
2. Kami sedang bermula kearah itu.
3. Kami sedang melakukan kemajuan disini.
4. Kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap.
5. Kami telah memperkuuhkan amalan kami.

Penentuan kedua-dua dimensi kapasiti kepimpinan guru dan dimensi kapasiti kepimpinan sekolah adalah berdasarkan kepada purata min skor yang akan dikira daripada setiap ciri kepimpinan tersebut. Purata min skor yang diperolehi akan dirujuk kepada Jadual 3-1 iaitu skala penilaian untuk menentukan kekuatan pembolehubah itu.

Jadual 3-1: Interpretasi Tahap Kapasiti Kepimpinan Mengikut Nilai Min

Bil	Nilai min	Interpretasi (Kekuatan)
1	0.00 – 1.00	Sangat rendah
2	1.10 – 2.00	Rendah
3	2.10 – 3.00	Sederhana
4	3.10 – 4.00	Tinggi
5	4.10 – 5.00	Sangat tinggi

Nilai pekali korelasi r boleh diinterpretasikan secara diskriptif iaitu nilai r yang menghampiri 1.0 adalah dikatakan mempunyai nilai yang tinggi, manakala nilai r yang menghampiri sifar dikatakan mempunyai hubungan yang lemah. Untuk menentukan hubungan antara kapasiti kepimpinan guru dengan kapasiti kepimpinan sekolah skala nilai pekali korelasi r yang digunakan ialah seperti di Jadual 3-2. iaitu seperti yang diberikan oleh Hinkle, Wierisma dan Jurs (1989).

Jadual 3-2: Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi*

Bil	Saiz Pekali Korelasi	Interpretasi
1	.90 hingga 1.00	Korelasinya terlalu tinggi
2	.70 hingga .90	Korelasinya tinggi
3	.50 hingga .70	Korelasinya sederhana
4	.30 hingga .50	Korelasinya rendah
5	.01 hingga .30	Korelasinya lemah
6	.00	Tiada korelasi

*Interpretasi harus merujuk kepada tanda positif atau negatif pekali korelasi.

Kaedah Pentadbiran Kajian dan Pengumpulan Data

Sebelum memulakan kajian penyelidik telah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, dan pengetua sekolah berkenaan untuk menjalankan kajian di sekolah yang dipilih. Penyelidik telah juga mendapatkan maklumat mengenai sekolah kajian tentang pencapaian peperiksaan SPM sekolah tersebut.

Untuk mengumpulkan data, penyelidik telah melakukan langkah berikut:

- i. Meminta kebenaran dari pengetua sekolah berkenaan
- ii. Mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang mempunyai
 - a. "Cover letter" dari penyelidik.
 - b. Set soalan soal selidik.
- iii. Ingatan kepada responden untuk mengembalikan borang soal selidik secara lisan.

Borang soal selidik diedarkan ke semua sekolah kajian secara pergi sendiri ke sekolah yang dipilih dan meminta bantuan Penolong Kanan sekolah berkenaan satelah membuat pertemuan dan mendapat persetujuan dari pengetua sekolah itu. Penyelidik terlebih dahulu memberikan taklimat kepada Penolong Kanan berkenaan kandungan borang soal selidik tersebut termasuk penjelasan tentang maksud kapasiti kepimpinan. Penyelidik

memintanya memahami kandungan, dan menjawab sebarang pertanyaan serta kemusyikan yang timbul tentang soalan dalam borang itu sebelum meminta beliau membantu dalam mengedarkan borang tersebut.

Sebanyak 70 borang soal selidik telah diedarkan disetiap sekolah dan penyelidik meminta bantuan dari Penolong Kanan sekolah berkenaan untuk mengedarkan dan mengumpulkan kembali borang tersebut. Melalui Penolong Kanan tersebut penyelidik telah memintanya untuk mengingatkan responden supaya mengisi dan mengembalikan borang tersebut dalam tempoh satu minggu seperti yang dicadangkan. Penolong Kanan berkenaan telah mengedarkan borang tersebut kepada guru sekolahnya kecuali Pengetua, Penolong-Penolong Kanan, Penyelia Petang dan semua Ketua Bidang. Selepas seminggu, penyelidik telah kembali ke sekolah-sekolah tersebut dan mengambil borang soal selidik itu. Daripada 140 borang soal selidik yang telah diedarkan hanya sebanyak 78 (55.7%) borang telah dikembalikan.

Penganalisan Data

Data dipungut dengan menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu melalui soal selidik yang diedarkan ke sekolah-sekolah kajian. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan aplikasi program komputer Windows-Statistical Package for the Sosial Sciences (SPSS) PC dan juga data dianalisis secara statistik diskriptif.

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan 2 kaedah pengurusan data yang lazim digunakan untuk statistik diskriptif seperti;

- a. Menyusun skor mengikut taburan kekerapan , dan kemudian
- b. Mempersembahkan skor-skor tersebut dalam bentuk jadual.

Analisi dibuat secara diskriptif menggunakan peratusan, min dan sisihan piaawai.

Untuk melihat hubungan antara kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah kajian, penyelidik menggunakan indek korelasi ‘Product Moment Correlation’ atau ‘Pearson r’.